

## **AKAUN HONG LEONG TOP YIELD TERMA & SYARAT (“T&S”) (English Version)**

Terma & Syarat ini hendaklah dibaca bersama-sama secara keseluruhan dengan [Terma dan Syarat Am Akaun untuk Deposit dan Deposit Perbankan Islam](#), Terma dan Syarat Kad Debit dan mana-mana terma dan syarat lain yang dikenakan oleh **Hong Leong Bank Berhad (“HLB”)** dari semasa ke semasa setelah memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalendar, termasuk kaedah dan peraturan lain yang mengikat ke atas HLB.

### **Kelayakan**

1. Individu yang berumur **lapan belas (18)** tahun ke atas layak membuka **Akaun Hong Leong Top Yield (“Akaun”)**. Individu yang telah membuka Akaun tersebut akan dirujuk sebagai “Pemegang Akaun”.
2. Akaun boleh dibuka secara individu atau Bersama
3. Pemastautin bukan Warganegara Malaysia adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Notis Pertukaran Asing yang dikeluarkan di bawahnya.
4. Pemilik Tunggal, Perkongsian Tidak Diperbadankan, Perkongsian Liabiliti Terhad, Amalan Profesional, Kelab, Pertubuhan, Persatuan, Sekolah, Syarikat, Organisasi Bukan Berorientasikan Keuntungan dan entiti perniagaan lain tidak layak membuka ataupun mengendalikan Akaun.
5. Deposit permulaan minimum untuk membuka Akaun ialah **Ringgit Malaysia Satu Ribu (RM1,000)** sahaja
6. Pencadang tidak diperlukan untuk membuka Akaun.

### **Faedah Simpanan**

7. Pemegang Akaun berhak mendapat faedah atas deposit dalam Akaun mengikut kadar faedah terkini bagi Akaun (“Faedah Simpanan”) seperti tertera dalam laman web HLB di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) (“**Laman Sesawang Bank**”).
8. Faedah pelbagai tingkat atas deposit dalam Akaun dikira dan diakru setiap hari berdasarkan baki penutup setiap hari dan dikreditkan pada hari akhir setiap bulan ke dalam Akaun.
9. Sekiranya Akaun ditutup sebelum tarikh pengkreditan faedah yang berikut, maka Faedah Simpanan yang terakru akan dikira secara pro-rata berdasarkan bilangan hari Akaun kekal aktif dan hendaklah dikira setakat dan termasuk hari sebelum penutupan Akaun. Faedah Simpanan yang terakru akan dikreditkan pada hari Akaun ditutup.
10. Tanpa mengira perkara di atas, Faedah Simpanan hanya akan dibayar bagi baki penutup akaun harian yang melebihi **Ringgit Malaysia Lima Ribu (RM5,000)**.

### **Faedah Bonus**

11. Pemegang Akaun juga layak menerima Faedah Bonus atas deposit dalam Akaun (“**Faedah Bonus**”) mengikut kadar di bawah ini dengan syarat Pemegang Akaun mempunyai akaun pelaburan HLB sedia ada atau akaun pelaburan HLB baharu (“**Akaun Pelaburan**”) yang

memenuhi jumlah keperluan AUM bagi bulan tersebut dan berpandukan terma dan syarat yang dinyatakan dalam Fasal 11 hingga 17 di dalam ini:

| Jumlah AUM  | Kadar Faedah Bonus setahun |
|-------------|----------------------------|
| > RM100,000 | 0.50%                      |
| > RM500,000 | 1.00%                      |

12. Bagi tujuan di dalam ini, istilah "AUM" iaitu Aset Bawah Pengurusan bermaksud amaun utama pelaburan Pemegang Akaun dalam Unit Amanah, ekuiti amanah dan dana pendapatan seperti mana tertera dalam Laman Web HLB ("AUM Layak") atau apa-apa dana lain yang ditentukan oleh HLB dari semasa ke semasa menurut budi bicara mutlak HLB. Dana yang dipindahkan daripada akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja Pemegang Akaun tidak dianggap/diambil kira sebagai AUM bagi tujuan Terma & Syarat ini.

13. "**Jumlah AUM**" bermaksud Baki Purata Harian ("**DAB**") Akaun Pelaburan sepanjang bulan, dikira seperti berikut:

**(a) Akaun Pelaburan Sedia Ada**

$$\text{DAB} = \frac{\text{Hasil tambah baki penutup AUM harian sepanjang bulan}}{\text{Bilangan hari dalam bulan}}$$

**(b) Akaun Pelaburan Baharu**

$$\text{DAB} = \frac{\text{Hasil tambah baki penutup AUM harian sepanjang bulan dari tarikh pembukaan Akaun Pelaburan}}{\text{Bilangan hari dalam bulan dari tarikh pembukaan Akaun Pelaburan}}$$

14. Jika jumlah AUM Pelaburan lebih tinggi dalam sesuatu Bulan, maka lebih tinggilah Faedah Bonus yang diperoleh atas baki kredit Akaun. Akaun Pelaburan harus dibuka atas nama Pemegang Akaun atau dalam hal Akaun bersama, maka Akaun Pelaburan itu harus dibuka atas nama semua Pemegang Akaun mengikut turutan yang sama seperti Akaun tersebut supaya semua Pemegang Akaun layak mendapat Faedah Bonus seperti dalam contoh di bawah ini:

| Pemegang Akaun Top Yield * | Pemegang Akaun Pelaburan* | Layak mendapat Faedah Bonus |
|----------------------------|---------------------------|-----------------------------|
| A                          | A                         | √                           |
| A                          | A+B                       | X                           |
| A                          | A+C                       | X                           |
| A+B                        | A+B                       | √                           |
| A+B                        | B+A                       | X                           |
| A+B+C                      | A+B+C                     | √                           |
| A+B+C                      | A+C+B                     | X                           |
| A+B+C                      | C+B+A                     | X                           |
| A+B+C                      | A+B                       | X                           |
| A+B+C                      | A+C                       | X                           |
| A+B+C                      | B+C                       | X                           |

15. Faedah Bonus dikira berdasarkan **Baki Purata Bulanan (“MAB”)** Akaun pada akhir bulan mengikut formula yang ditunjukkan di bawah dan akan dikreditkan setiap bulan pada bulan berikut.

|                     |   |
|---------------------|---|
| <b>Faedah Bonus</b> | <b>= MAB x Masa (T) x Kadar (R)</b>                           |
| MAB                 | = Jumlah baki penutup Akaun/ Jumlah bilangan hari dalam Bulan |
| Masa (T)            | = Bilangan hari dalam Bulan/Bilangan hari dalam tahun         |
| Kadar (R)           | = Kadar Faedah Bonus berdasarkan AUM Layak                    |

16. Sekiranya Akaun ditutup sebelum tarikh pengkreditan Faedah Bonus berikutnya, maka Faedah Bonus terakru akan dilupuskan.

### Penyata Bulanan

17. Buku akaun tidak akan dikeluarkan. Penyata Akaun akan dihantar kepada Pemegang Akaun setiap bulan.

### Fi dan Caj

18. Fi dan caj dikenakan ke atas Akaun dan tertakluk kepada cukai kerajaan, jika berkenaan:

| Keterangan  | Fi dan Caj              |
|---|-------------------------|
| IBG menerusi dalam talian   | RM0.10 setiap transaksi |
| Caj Perkhidmatan (jika baki purata bulanan kurang daripada RM1,000) | RM5.00 setiap bulan     |

19. Fi dan caj standard akan dikenakan ke atas Akaun mengikut Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, [Terma dan Syarat Am Akaun untuk Deposit dan Deposit Perbankan Islam](#) dan Terma dan Syarat Kad Debit. Fi dan caj standard dipaparkan dalam laman web HLB, seperti mana dipinda dari semasa ke semasa.
20. HLB berhak pada bila-bila masa, dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalendar untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau meminda Terma & Syarat yang terkandung di dalam ini, dengan cara menyiarkannya dalam Laman Sesawang Bank, atau dengan apa-apa cara yang dianggap sesuai oleh HLB. Pemegang Akaun bersetuju mengakses Laman Sesawang Bank dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma & Syarat dan memastikan sentiasa mengikuti apa-apa perubahan atau pindaan kepada Terma & Syarat.
21. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Terma & Syarat ini berbanding dengan [Terma dan Syarat Am Akaun untuk Deposit dan Deposit Perbankan Islam](#) dan/atau Terma dan Syarat Kad Debit (termasuk tetapi tidak terhad kepada fi dan caj), maka Terma & Syarat tertentu di sini akan diutamakan setakat mengenai percanggahan tersebut.
22. Terma & Syarat di dalam ini adalah tertakluk kepada dan ditafsirkan selaras dengan undang-undang Malaysia dan Pemegang Akaun bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa Mahkamah-mahkamah Malaysia.

**Akaun Top Yield layak dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.  
Akaun Pelaburan TIDAK layak dilindungi oleh PIDM.**